

# Sedia peruntukan bangunkan pelancongan digital

**Penularan** COVID-19 merencatkan pertumbuhan ekonomi negara di seluruh dunia. Sektor pelancongan antara paling terjejas akibat wabak ini.

Sekatan perjalanan dan penutupan sempadan negeri serta negara bagi mengkekang wabak ini daripada terus merebak menyebabkan aktiviti pelancongan tidak dapat dijalankan.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya menjangkakan sektor pelancongan di negara ini akan berhadapan kerugian besar dianggarkan RM45 bilion pada tahun ini.

Segmen pelancong antarabangsa sebagai penyumbang utama dengan jangkaan kerugian melebihi RM31 bilion, manakala segmen

pelancong domestik lebih RM13 bilion.

Selain itu, kira-kira satu juta pekerja sektor pelancongan di negara ini dijangka akan hilang pekerjaan tahun ini. Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembangan Malaysia (MATTA) menyatakan lebih 90 peratus daripada 9,000 pemain industri pelancongan bernaung

di bawahnya mula beralih kepada bidang baharu.

Kerajaan komited dan mengambil beberapa langkah bagi membantu sektor ini dalam menangani impak COVID-19.

Antaranya, pengenalan Skim Pembiayaan Pelancongan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dengan peruntukan RM1 bilion bagi membantu usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) memulihkan perniagaan.

Beberapa inisiatif cukai seperti penangguhan cukai perniagaan bagi meringankan bebanan pemain industri pelancongan dan pengecualian cukai pelancongan serta perkhidmatan penginapan bagi menarik pelancong turut diperkenalkan.

Kerajaan turut memberikan pelepasan cukai pendapatan individu RM1,000 ke atas perbelanjaan berkaitan aktiviti pelancongan domestik bagi menggalakkan rakyat tempatan melancong ke destinasi dalam negara.

Sektor pelancongan menjadi antara penyumbang terbesar kepada ekonomi negara. Sektor ini menyumbang 15.2 kepada Keluaran Dalam Kasar (KDNK) negara pada 2019.

Justeru, adalah amat penting bagi Belanjawan 2021 yang dibentangkan esok menjadi belanjawan mesra pembangunan sektor pelancongan.

Antara inisiatif dilihat perlu bagi sektor pelancongan adalah seperti pelanjutan tempoh moratorium memandang pemain industri sektor ini belum mampu bangun daripada impak negatif COVID-19.

Program pekekalan pekerjaan sektor pelancongan melalui pelaksanaan inisiatif subsidi upah juga harus menjadi keutamaan Belanjawan 2021. Ini bagi menyelamatkan 23.6 peratus atau 3.6 juta pekerja dalam sektor pelancongan di negara ini daripada menganggur.

Belanjawan 2021 juga seharusnya menyediakan peruntukan pembangunan khas bagi penerokaan pasaran pelancongan baharu bersesuaian.

Dalam situasi ini, pelancongan digital dilihat amat relevan kerana lebih murah dan selamat serta bersesuaian pasaran masa kini.

Pelancong tidak perlu berada secara fizikal di destinasi pelancongan, tetapi dapat merasai pengalaman serupa secara maya melalui aplikasi teknologi Aug-


mented Reality (AR) dan Virtual Reality (VR). Tiada aktiviti rentas sempadan membawa kepada risiko jangkitan COVID-19 dalam kalangan pelancong.

Pelancongan digital dilihat mempunyai potensi besar dan berupaya menjana pendapatan tinggi kepada sektor pelancongan. Ini berasaskan trend permintaan aktiviti pelancongan digital dalam kalangan golongan pelancong milenial yang lahir awal 1980-an hingga pertengahan 1990-an dan generasi Z (1990-an hingga awal 2010).

Justeru, kerajaan harus segera mengambil peluang ini dengan menyediakan peruntukan sewajarnya bagi membolehkan pembangunan pelancongan digital dijalankan secepat mungkin.

Melalui dimensi baharu pelancongan digital, diharapkan sektor pelancongan negara ini segera pulih dan secara tidak langsung menjadikan Malaysia peneraju dalam pelancongan digital pada peringkat global.

**Penulis adalah** Pensyarah Kanan Ekonomi, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak, Kampus Tapah



Zarul Azhar Nasir